

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 24.11.2014

SOALAN :

Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah bangunan gantian baru SRK Kampong Jebungan di Mukah akan dibina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan bangunan-bangunan sekolah sedia ada dipelihara dan kemudahannya ditambah baik dari semasa ke semasa. KPM telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek gantian penuh SK Kg Jebungan di Parlimen Mukah dalam *Rolling Plan Ke-4* bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara.